

Untuk Terbitan Media
30 Julai 2026

SIARAN MEDIA

JARI CEDERA PARAH DIGIGIT KUCING, PEMBANTU VETERINAR LAYAK TERIMA FAEDAH LINDUNG 24 JAM

KUALA LUMPUR - Seorang pembantu veterinar layak menerima faedah LINDUNG 24 Jam, gara-gara gigitan seekor kucing liar yang mengakibatkan jarinya cedera parah pada 24 Jun lepas.

Menurut Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Noor Ami Athirah Mohd Isa, 26, cedera di jari telunjuk kanan akibat gigitan dari seekor kucing liar yang masuk ke rumahnya di Taman Sri Serdang, Seri Kembangan.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, kejadian berlaku kira-kira jam 8.00 malam apabila Noor Ami menangkap seekor kucing liar yang masuk ke rumahnya dan merosakkan barang-barang di dapur.

“Semasa beliau cuba mengawal keadaan, Noor Ami telah menangkap kucing liar dan haiwan itu bertindak mengigit jari telunjuk mangsa sehingga kelihatan tulang rentetan gigitan itu.

“Beliau kemudian segera mendapatkan rawatan di sebuah klinik sebelum kesnya dirujuk ke Hospital Serdang. Setibanya di Hospital Serdang, Noor Ami Athirah telah menjalani pembedahan pada hari yang sama berikutan kecederaan serius yang dialami.

“Akibat kejadian itu, beliau diberikan cuti sakit mulai 24 Jun sehingga 31 Julai 2026 dan semakan PERKESO mengesahkan, beliau dilindungi di bawah Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) atau LINDUNG 24 Jam,” menurut kenyataan daripada PERKESO.

Justeru, tambah PERKESO, wanitau tersebut akan menerima bayaran penggantian pendapatan bagi sepanjang tempoh cuti sakitnya sebanyak 38 hari berjumlah RM684.00

“Selain itu, beliau layak menuntut Bayaran Ganti Belanja bagi kos perubatan yang terlibat. Sekiranya belum sembuh, mangsa boleh mengemukakan cuti sakit tambahan untuk melanjutkan pembayaran Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) bagi membolehkan beliau fokus untuk pulih sepenuhnya sebelum kembali bekerja.

“Kes sebegini sebenarnya banyak berlaku namun dulu, kes sebegini tidak dilindungi PERKESO. Namun dengan penguatkuasaan LINDUNG 24 Jam, jari anda digigit kucing pun masih dilindungi dan bukan kes itu saja, banyak kes lain yang akan dilindungi.

“Kerana itulah PERKESO memperkenalkan skim ini, untuk menutup kelompangan yang wujud dalam perlindungan sosial negara kita. Kalau dulu ramai mengadu tuntutan kemalangan ditolak kerana kesnya bukan bencana kerja, kita harap selepas ini tiada lagi aduan sebegini diterima,” jelas PERKESO.

Dalam pada itu, seorang pekerja kilang yang koma akibat kemalangan jalan raya ketika menunggang motosikal untuk menziarahi adiknya yang sakit di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, juga layak menerima faedah di bawah skim LINDUNG 24 Jam.

Mangsa, Noor Faais Azali, 39, yang bekerja sebagai operator merupakan pencarum aktif PERKESO sejak 5 Mei 2014, mengalami kemalangan pada 6 Jun lalu ketika dalam perjalanan ke hospital atas urusan peribadi sehingga menyebabkan kecederaan parah di kepala dan disahkan koma.

“Hasil semakan mendapati beliau layak menerima Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) dengan bayaran berjumlah RM1,008 telah diluluskan dan diproses bagi tempoh 6 Jun hingga 31 Julai.

“Memandangkan cuti sakitnya dilanjutkan sehingga 26 Oktober 2026, PERKESO akan terus membayar faedah tersebut dengan anggaran keseluruhan sebanyak RM2,574,” menurut PERKESO.

Selain bayaran penggantian pendapatan, PERKESO turut membekalkan alatan pemulihan termasuk katil pesakit, Reclining Wheelchair 18, Ripple Mattress, Suction Machine, selain susu dan lampin pakai buang (pampers) secara berkala dengan nilai keseluruhan bantuan dianggarkan lebih RM5,500.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Sementara itu, **bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam** dikuatkuasakan yang memberi **perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

30 Julai 2026